

CNS4569

U GB 15-07 00188 BA294

aab

MAHATHIR TIDAK TEMUI RABIN DI PARIS

I

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak (ulang) tidak menemui Perdana Menteri Israel Yitzhak Rabin di Paris seperti yang dilaporkan oleh sebuah agensi berita hari ini.

Penolong Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Encik Zakaria Abdul Wahab, ketika dihubungi mengenai laporan AFP yang memetik laporan televisyen Israel itu berkata:

"Kami menafikan laporan itu. Tidak ada pertemuan seumpama itu."

Dr Mahathir membuat lawatan rasmi ke Perancis dari 6 hingga 9 Julai dan menginap di Hotel de Crillion di Paris.

Rabin juga berada di Paris pada masa itu dan, difahamkan, secara kebetulan beliau juga menginap di hotel yang sama.

Laporan AFP itu memetik televisyen Israel sebagai menyatakan bahawa Rabin mengadakan pertemuan sulit dengan Dr Mahathir di Paris awal bulan ini ketika Perdana Menteri Israel itu pergi ke sana untuk menerima satu anugerah keamanan Unesco bersama dengan Menteri Luar Shimon Peres dan Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin Yasser Arafat.

Bagaimanapun, menurut laporan AFP itu, stesyen televisyen itu tidak mengulas lebih lanjut. -- Bernama.

-AH SJ NMO

♥15/07/18-51MST